



## SIARAN AKHBAR BERSAMA

### JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN NSD 2024 BAGI PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH RENDAH DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Pusat Tingkatan Enam Sengkurong

Rabu, 26 Zulhijjah 1445H bersamaan 3 Julai 2024M

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (MOE) telah mengadakan Jerayawara Kesedaran Kewangan sempena Hari Menabung Kebangsaan (NSD) 2024 yang terakhir di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong pada hari Rabu, 26 Zulhijjah 1445H bersamaan 3 Julai 2024M.
2. Jerayawara ini turut dijayakan bersama Pasukan Polis Diraja Brunei, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Cyber Security Brunei (CSB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), BIBD Securities, Baiduri Bank, Standard Chartered Securities, dan Takaful Brunei Keluarga (TBK). Para pempamer memperkenalkan pelajar kepada beberapa topik kewangan seperti menabung, takaful dan insurans, perancangan persaraan, pelaburan, dan perlindungan pengguna kewangan melalui aktiviti-aktiviti interaktif yang bersesuaian dengan umur mereka.
3. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara iaitu Yang Berhormat Dr Haji Mahali bin Haji Momin dan Yang Berhormat Amran bin Haji Maidin. Pegawai-pegawai kanan daripada MOE dan BDCB juga turut hadir untuk menyokong acara celik kewangan ini.
4. Siri Jerayawara Kesedaran Kewangan NSD 2024 telah berjaya mencapai seramai lebih 2,100 pelajar Tahun 3 hingga 5 dari sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama di seluruh daerah Negara Brunei Darussalam.
5. Acara seterusnya bagi NSD 2024 ialah Pesta Kewangan (Financial Fun Fair) yang dirancang untuk diadakan di Jerudong Park Playground pada Ogos 2024. Acara ini akan menampilkan pelbagai aktiviti dan program sesuai untuk seisi keluarga.
6. Untuk maklumat lanjut mengenai NSD 2024, sila layari [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn) dan ikuti akaun Instagram BDCB, @centralbank.brunei.

#### Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 26 Zulhijjah 1445/ 3 Julai 2024

Rujukan: BDCB/COMMS/3

## **Nota kepada editor:**

### **Mengenai Hari Menabung Kebangsaan (NSD)**

NSD merupakan acara celik kewangan yang disambut setiap 28 Mei. Acara ini dijalankan di bawah naungan Majlis Kebangsaan Celik Kewangan [MKCK], dan dikelolakan oleh BDCB.

Antara objektif-objektif utama NSD adalah untuk mempromosikan budaya menabung dan pengurusan kewangan dengan bijak, meningkatkan tahap celik kewangan dan rangkuman kewangan di Negara Brunei Darussalam.

### **Mengenai Jerayawara Kesedaran Kewangan bagi NSD 2024**

Jerayawara Kesedaran Kewangan sempena NSD 2024 bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan serta kefahaman mengenai peranan dan tanggungjawab BDCB, khususnya bagi pelajar Tahun 3 hingga 5.

Program jangkauan ini memastikan pelajar-pelajar dari keempat-empat daerah menerima pendedahan awal kepada kemahiran dan pengetahuan pengurusan kewangan yang sesuai dengan usia mereka.

### **Mengenai Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)**

Brunei Darussalam Central Bank sentiasa komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui pelaksanaan langkah-langkah dan pembaharuan sektor kewangan, selaras dengan matlamat perkembangan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik; mengekalkan kestabilan sistem kewangan, dengan menggubal peraturan kewangan dan piawaian berhemat; membantu dalam penubuhan, penyelenggaraan dan penyeliaan sistem pembayaran yang cekap; serta menggalakkan dan mengembangmajukan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif.